

SOALAN NO. 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff
[Rantau Panjang]**

TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)

SOALAN :

**Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan sejauh mana kejayaan Kementerian dalam
menangani masalah sosial di seluruh negara serta penyelesaiannya.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) prihatin terhadap masalah sosial yang berlaku di seluruh negara. Isu sosial di Malaysia sangat luas dan memerlukan kerjasama bersepadu semua pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan setiap anggota masyarakat bagi memastikan sesuatu masalah sosial itu dapat dibendung. Memandangkan masalah sosial adalah satu isu yang subjektif, maka jawapan kepada soalan ini akan menumpukan kepada isu sosial di bawah kumpulan sasaran Kementerian.

Dasar-dasar dan pelan tindakan yang memfokuskan kepada kumpulan sasaran Kementerian seperti Dasar Wanita, Dasar Kanak-kanak, Dasar Perlindungan Kanak-kanak, Dasar Warga Emas, Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial Kebangsaan dan Dasar Orang Kurang

Upaya khususnya yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian serta Dasar Sosial Negara sebagai dasar payung telah dirangka dalam memastikan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Perancangan strategi yang melibatkan konvensyen antarabangsa, dasar, akta dan program ini berupaya menyelesaikan masalah sosial daripada aspek pencegahan, program intervensi, sistem sokongan dan juga kajian. Masalah penderaan kanak-kanak sebagai contoh merupakan isu yang dipandang serius oleh Kementerian. Merujuk kepada statistik Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak 4,652 kes penderaan telah dilaporkan pada tahun 2015 dan 2016 meliputi 53.09 peratus (2,470 kes) kes penderaan fizikal, 43.25 peratus (2,012 kes) kes penderaan seksual dan 3.65 peratus (170 kes) kes penderaan emosi.

KPWKM telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan beberapa inisiatif dari segi penambahbaikan terhadap perundangan dan menyediakan perkhidmatan sokongan. Inisiatif ini dibuktikan dengan pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 kepada Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 yang telah diwartakan pada 25 Julai 2016. Kerajaan Malaysia turut menandatangani Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak bagi

memastikan kesejahteraan kanak-kanak. Selain itu, penubuhan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak, Rumah Kanak-kanak, perkhidmatan kaunseling serta Talian Kasih 15999 juga merupakan usaha Kementerian bagi membantu kanak-kanak teraniaya mendapatkan perkhidmatan sokongan dalam memastikan kanak-kanak ini dapat meneruskan hidup dalam persekitaran terbaik dan sejahtera.

Program-program advokasi turut dilaksanakan secara berterusan seperti Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah - Sahabat B.I.J.A.K, Kursus Pra perkahwinan SMARTSTART, Program Keluarga@Kerja (Parenting@Work), Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN dan Program PEKERTI@Sekolah.

Tuan Yang Dipertua,

Adalah menjadi harapan dan sasaran Kementerian dalam memastikan isu-isu sosial dapat dikurangkan dan dibendung. Pindaan terhadap akta-akta berkaitan merupakan salah satu cara dalam melindungi mangsa-mangsa teraniaya yang kebanyakannya adalah kumpulan sasar di bawah Kementerian. KPWKM akan mengkaji dan menambah baik dasar

Kementerian secara berperingkat bagi memastikan semua dokumen-dokumen dasar ini kekal relevan dalam usaha menangani isu-isu kebajikan dan sosial.